

26 NOV 1998

Mahkamah-Anwar (Arahan)

ANWAR ARAH SB BAWA AZIZAN KE KEDIAMAN RASMINYA

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan pegawai atasan Cawangan Khas supaya membawa bekas pemandunya, Azizan Abu Bakar ke kediaman rasminya, Mahkamah Tinggi di sini diberitahu hari ini.

Bekas Timbalan Pengarah Cawangan Khas II Datuk Amir Junus berkata, Anwar mengeluarkan arahan itu pada 18 Ogos 1997 semasa menelefonnya pada pukul 8.30 malam.

Beliau berkata, pada mulanya, Anwar ingin datang ke pejabat Cawangan Khas untuk bertemu dengan Azizan tetapi setelah dinasihatkan, tidak berbuat demikian, sebaliknya meminta Azizan dibawa ke rumah beliau.

Katanya, Azizan dibawa ke kediaman rasmi Anwar pada pukul 11.45 malam pada hari yang sama oleh pegawai Cawangan Khas yang lain.

Amir berkata demikian ketika menjawab soalan Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail dalam pemeriksaan utama pada perbicaraan kes rasuah Anwar yang masuk hari ke-14.

Anwar, 51, bekas Timbalan Perdana Menteri dan bekas Menteri Kewangan, menghadapi empat pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk campurtangan dalam penyiasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Amir memberitahu mahkamah bahawa sebelum itu, Anwar mengarahkan beliau dan bekas Pengarah Cawangan Khas Datuk Mohd Said Awang supaya mendapatkan surat penafian daripada Azizan dan Ummi Hafilda Ali terhadap segala dakwaan yang mereka buat terhadapnya.

Katanya, pada hari yang sama, kira-kira 6 petang, semasa beliau berada di pejabat Mohd Said, DSP Abdul Aziz Hussin telah datang menemui mereka dengan membawa surat yang ditulis oleh Ummi.

Bagaimanapun, Amir berkata, setelah meneliti surat itu, beliau dan Mohd Said mendapati surat Ummi tidak memenuhi kehendak Anwar iaitu menafikan segala dakwaan, oleh itu Abdul Aziz telah diarahkan untuk mendapatkan surat (penafian) yang lebih tegas daripada Ummi.

Beliau berkata, pada pukul 9.30 malam, Abdul Aziz dan ACP Mazlan Mohd Din sekali lagi menyerahkan draf-draf surat yang ditulis oleh Ummi dan Azizan yang dialamatkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga turut di"sk"kan kepada Anwar.

Amir berkata, selepas itu, beliau dan Mohd Said turut pergi ke kediaman rasmi Anwar untuk menyerahkan draf-draf surat berkenaan dan mereka mengadakan perbincangan di bilik bacaan.

Semasa menjawab soalan Abdul Gani mengenai apa yang berlaku di rumah Anwar, Amir berkata, beliau dan Mohd Said telah memaklumkan kepada Anwar bahawa Ummi dan Azizan telah dibebaskan dengan jaminan polis.

Beliau berkata, setelah Anwar membaca draf-draf surat penafian Ummi dan Azizan, tertuduh menyatakan surat Azizan "bolehlah diterima" sebaliknya kurang berpuashati dengan surat Ummi kerana ianya bukan seperti yang dikehendaknya.

Abdul Gani: Datuk, kamu kata tadi tertuduh telah meluahkan perasaannya (berhubung kedua-dua surat itu). Sila katakan bagaimana tertuduh meluahkan perasaannya.

Amir: Bagi surat Azizan, tertuduh telah menyatakan "ini bolehlah" tetapi bagi surat Ummi, "bukan macam ini".

Abdul Gani: Apa berlaku seterusnya di kediaman rasmi tersebut?

Amir: Selepas itu, saya dan Mohd Said beredar dari bilik bacaan dan Azizan dibawa masuk ke dalam bilik itu.

Amir telah mengemukakan beberapa nota fail miliknya yang mencatatkan

kesemua pertemuan dengan Anwar di kediaman rasmi beliau serta arahan-arahan yang telah diberikan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri itu berhubung kes itu.

Abdul Gani telah mengemukakan nota fail berkenaan kepada mahkamah untuk ditandakan sebagai barang kes.

Amir berkata, pada 27 Ogos 1997, kira-kira 10 malam, beliau dan Mohd Said sekali lagi diarahkan untuk pergi ke rumah Anwar yang mahukan surat pengakuan yang lain iaitu satu kenyataan umum (open letter) daripada Ummi dan Azizan.

Abdul Gani: Sila beritahu mahkamah, bagaimana bentuk kenyataan umum yang dikehendaki oleh Anwar.

Amir: Kenyataan umum yang dikehendaki oleh Anwar ialah satu kenyataan yang lebih komited, meyakinkan dan tegas serta menafikan dan menarik balik kesemua dakwaan-dakwaan yang terkandung dalam surat perihal salah laku TPM dan akuan bersumpah.

Katanya lagi, Anwar turut mengarahkan supaya kenyataan umum itu diposkan ke pejabat Timbalan Perdana Menteri.

-- BERNAMA

SBB AHH WAT